

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 30 Mac 2016 16:12
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: FIZO OMAR SUDAH JATUH HATI DENGAN UUM



30 MAC 2016 / 21 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

FIZO OMAR SUDAH JATUH HATI DENGAN UUM



ANJUNG TAMU ONLINE: Fizo atau nama sebenarnya Wan Hafizol Wan Omar buat pertama kalinya telah menjejak kaki ke UUM Welcome Centre baru-baru ini diiringi oleh Pensyarah Pusat Pengajian Teknologi Multimedia & Komunikasi (SMMTC) yang juga Pengetua Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Tenaga Nasional Berhad, Mohd. Idzwan Yacob.

Fizo kelihatan terpegun tatkala melangkah masuk ke Rumah Ibu sambil melihat persekitaran dengan pokok Sintok yang mana beliau tidak pernah menduga bahawa UUM Sintok berasal daripada sejenis pokok yang besar bernama Sintok.

Beliau yang merupakan pelajar Master of Science (Management) di Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) ternyata tertarik dengan pelbagai prasarana dan lokasi menarik yang terdapat di universiti di rimba hijau.

Dalam pada itu, semasa penerangan disampaikan di Rumah Tengah atau Galeri Welcome Centre, beliau asyik berkata,

“Awesome! Good effort”.

Malah setelah melihat kemudahan litar go-kart dan sebagainya, beliau terus menyatakan hasratnya untuk datang semula untuk berjinak dengan Pusat Equin. Gambar pelajar menunggang kuda yang dipaparkan di ruangan *Campus Life* sekaligus merangsang minat beliau.

Ujarnya, “la satu pengalaman dan pendedahan baru mendekati UUM dan saya rasa berbangga melanjutkan pengajian di sini bahkan kagum dengan Discover UUM”.

Peluang beramah mesra dengan pelajar di DPP TNB turut memberi impak kepada beliau bagi merasai suasana kehidupan sebagai seorang pelajar meskipun beliau sibuk dengan karier sebagai pelakon tanah air yang sering dikerumuni peminat.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

